



SEMINAR KEPENDUDUKAN NEGERI TERENGGANU SEMPENA HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025

“Memperkasa Golongan Muda untuk Membentuk
Keluarga yang Mereka Inginkan Dalam Dunia yang
Adil dan Penuh Harapan”

5 OGOS 2025

**DEWAN KONVENSYEN, TINGKAT 2, WISMA
DARUL IMAN, KUALA TERENGGANU**





Disediakan oleh:

Unit Pentadbiran dan Perhubungan Awam

LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN)

LPPKN NEGERI TERENGGANU

28 September 2025



09 6305 2122



terengganu@lppkn.gov.my



LPPKN Terengganu KPWKM



www.lppkn.gov.my

ISI KANDUNGAN

1.0 PENDAHULUAN	4
2.0 UCAPAN ALU-ALUAN	5
3.0 UCAPAN PERASMIAN.....	8
4.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA.....	10
Kertas Kerja 1: Bahagia Bersama: Menongkah Cabaran Awal Pekahwinan	10
Kertas kerja 2: Suratn atau Kebetulan: Penceraian dalam kalangan pasangan Awal Perkahwinan.....	12
5.0 TAKLIMAT INISIATIF PROGRAM DAN PERKHIDMATAN LPPKN.....	14
6.0 FORUM KEPENDUDUKAN: “MEMBINA KELUARGA HARMONI NEGERI TERENGGANU”	16
7.0 CADANGAN KEPADA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU	21
8.0 SIARAN MEDIA DAN LIPUTAN MEDIA	23
9.0 MAKLUM BALAS PESERTA	26

1.0 PENDAHULUAN

Negeri Terengganu yang terkenal dengan nilai kekeluargaan dan warisan sosialnya yang kuat, kini turut berhadapan dengan cabaran demografi nasional – iaitu penurunan kadar kesuburan yang berterusan. Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan Kadar Kesuburan Jumlah (*Total Fertility Rate* - TFR) Malaysia berada pada tahap 1.7 pada tahun 2023, masih jauh di bawah paras penggantian penduduk (2.1). Antara penyumbang utama kepada penurunan ini adalah tren kelewatan perkahwinan, terutamanya dalam kalangan generasi muda.

Tren ini semakin ketara apabila purata umur perkahwinan pertama meningkat saban tahun yang didorong oleh tekanan kewangan, keutamaan pendidikan dan kerjaya, serta perubahan nilai hidup. Kelewatan perkahwinan bukan sahaja menyebabkan pasangan mula membina keluarga pada usia lebih lewat, ketika tahap kesuburan menurun, malah turut menyumbang kepada peningkatan kes ketidaksuburan dan tekanan psikososial. Secara tidak langsung, fenomena ini memberi impak kepada pertumbuhan penduduk jangka panjang, saiz isi rumah dan pembangunan sumber manusia di negeri Terengganu.

Seminar Kependudukan Negeri Terengganu 2025 (SKNT 25) ini diadakan tepat pada masanya untuk membincangkan isu-isu mendalam berkaitan dinamika kependudukan moden, serta merangka tindakan strategik bagi mengekang penurunan kadar kesuburan yang berpanjangan. Ia juga bakal mengetengahkan keperluan membangunkan dasar yang lebih ramah keluarga (*family-friendly*), memperkukuh akses kepada rawatan kesuburan, serta merangsang persekitaran yang menyokong institusi perkahwinan dan kekeluargaan di peringkat negeri yang meliputi empat bidang utama yang bakal diberi fokus dalam seminar ini ialah:

- i. Perubahan sosio-ekonomi dan gaya hidup;
- ii. Kecenderungan kelewatan perkahwinan dan impaknya terhadap kesuburan;
- iii. Keperluan dasar reproduktif dan program intervensi yang progresif; dan
- iv. Peranan bersama dalam memperkukuh institusi keluarga di negeri Terengganu.

Seminar ini bertujuan memperkukuh komitmen negeri Terengganu dalam menangani cabaran kependudukan melalui pendekatan menyeluruh yang menyokong pembentukan keluarga, memelihara keseimbangan penduduk dan memastikan pembangunan negeri yang lestari dan inklusif untuk generasi masa depan. Objektif penganjuran seminar ini adalah menumpukan kepada tiga (3) objektif utama iaitu untuk mengupas secara mendalam punca dan implikasi kelewatan perkahwinan dalam kalangan penduduk negeri Terengganu, khususnya golongan muda, terhadap penurunan kadar kesuburan dan perubahan struktur demografi, menyediakan *platform* wacana ilmiah dan dasar kepada penggubal polisi, penyelidik, ahli akademik dan pemegang taruh lain bagi membentangi, berkongsi dapatan kajian dan mencadangkan penyelesaian ke arah merangsang pembentukan institusi keluarga yang mapan di peringkat negeri dan merangka cadangan intervensi dan dasar berasaskan bukti bagi memperkukuh institusi perkahwinan serta menyokong keseimbangan antara kerjaya, pendidikan dan kehidupan berkeluarga dalam usaha memperlambatkan penurunan kadar kesuburan di negeri Terengganu.

Laporan ini merupakan laporan penuh dan terperinci SKNT 25 untuk semua sesi ucapan pembukaan, ucapan perasmian, ucapan utama, pembentangan kerta kerja, sesi bual bicara dan seterusnya penutup beserta cadangan untuk dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan Negeri Terengganu. Laporan ini turut mengandungi liputan media yang dihasilkan oleh SKNT 25.

2.0 UCAPAN ALU-ALUAN

YBrs. Tuan Haji Hairil Fadzly Md. Akir, Timbalan Ketua Pengarah Dasar Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN) telah menyampaikan ucapan alu-aluan Seminar Kependudukan Negeri Terengganu 2025 (SKNT 25), mewakili YBhg. Dato' Abdul Shukur Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN.

Tema ini menekankan keperluan dasar yang menyokong golongan muda menghadapi cabaran ekonomi, sosial dan kesihatan reproduktif untuk membina keluarga. Hak untuk membina keluarga tidak boleh diukur hanya pada aspek fizikal, tapi juga dari sudut emosi, sosial dan struktur sokongan (majikan/tempat kerja, keluarga, masyarakat sekeliling). Selain itu akses kepada perkhidmatan kesihatan reproduktif, pendidikan kekeluargaan dan polisi mesra belia amat penting bagi memperkasa golongan muda ini untuk membentuk keluarga. Saya yakin Kerajaan Negeri Terengganu mengambil cakna akan kesejahteraan orang muda di Terengganu.



Beliau mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Terengganu khususnya Pejabat YB Exco Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Perpaduan Nasional Negeri Terengganu yang menyokong sepenuhnya penganjuran SKNT 25 kali ini. Program ini juga adalah julung-julung kalinya LPPKN dengan kerjasama pihak Kerajaan Negeri.

Penganjuran seminar pada tahun ini juga merupakan julung kali diadakan di peringkat negeri seluruh negara, selaras dengan peranan LPPKN yang turut memacu agenda kependudukan selain pembangunan keluarga dan kesihatan reproduktif. Diharapkan agar seminar ini yang memberi fokus “Perkahwinan Awal, Asas Keluarga Harmoni” dapat memberi manfaat sebaiknya kepada semua peserta, selain menjadi platform buat penggubal dasar, ahli akademik dan penyelidik untuk berkongsi dapatan kajian dan mencadangkan penyelesaian ke arah merangsang pembentukan institusi keluarga yang mapan di peringkat negeri. Hari Penduduk Sedunia mula tercetus daripada peristiwa bersejarah apabila penduduk dunia mencapai 5 bilion orang pada 11 Julai 1987. Menyedari kepentingan isu kependudukan, pihak United Nations Development Programme (UNDP) memperkenalkan Hari Penduduk Sedunia yang disambut setiap Julai mulai tahun 1989. Ia diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1990. Malaysia bersama 190 buah negara lain mula menyambutnya sejak tahun 1990 selaras dengan pengiktirafan rasmi oleh PBB dan saranan daripada United Nations Population Fund (UNFPA).

Sambutan ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat global terhadap pelbagai isu kependudukan termasuk kesihatan reproduktif, pendidikan, migrasi, urbanisasi,

kemiskinan, penuaan, kesuburan dan perubahan demografi. Sejak diperkenalkan secara rasmi pada tahun 1990, penduduk dunia terus meningkat setiap tahun. Menjelang 2030, jumlah penduduk global dijangka mencecah 8.5 bilion orang. Pertumbuhan ini memberi tekanan kepada pelbagai keperluan asas yang berkualiti seperti makanan, kesihatan, pendidikan dan perumahan yang boleh menjejaskan kesejahteraan masyarakat di seluruh dunia. Sambutan ini membuka ruang penting untuk membincangkan cabaran-cabaran tersebut secara terbuka dan menggalakkan usaha bersama, bukan sahaja oleh pihak kerajaan tetapi juga rakyat secara menyeluruh. Ini kerana isu kependudukan bukan sekadar angka, malahan ia berkait rapat dengan kehidupan harian, kesejahteraan keluarga, dan masa depan sesebuah negara.

“Tema tahun ini adalah *“Empowering Young People to Create the Families They Want in a Fair and Hopeful World”* atau “Memperkasa Golongan Muda untuk Membentuk Keluarga yang Mereka Inginkan dalam Dunia yang Adil dan Penuh Harapan”. Tema ini menekankan keperluan dasar yang menyokong golongan muda menghadapi cabaran ekonomi, sosial dan kesihatan reproduktif untuk membina keluarga. Hak untuk membina keluarga tidak boleh diukur hanya pada aspek fizikal, tapi juga dari sudut emosi, sosial dan struktur sokongan (majikan/tempat kerja, keluarga, masyarakat sekeliling). Selain itu akses kepada perkhidmatan kesihatan reproduktif, pendidikan kekeluargaan dan polisi mesra belia amat penting bagi memperkasa golongan muda ini untuk membentuk keluarga. Saya yakin Kerajaan Negeri Terengganu mengambil cakna akan kesejahteraan orang muda di Terengganu”, demikian petikan ucapan beliau.

Berdasarkan laporan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), pada tahun 2023, kadar kesuburan jumlah (KKJ) atau *Total Fertility Rate*, TFR telah menurun kepada 1.6 anak bagi setiap wanita, berbanding 2.2 pada tahun 2010. Pada ketika ini, terdapat seramai 3.5 juta warga emas iaitu berumur 60 tahun ke atas atau 11.3% daripada 34 juta penduduk. Penurunan kadar kesuburan ini sekaligus mempercepatkan proses penuaan penduduk di Malaysia dan dijangka 15 peratus penduduk Malaysia adalah berumur 60 tahun ke atas pada tahun 2030.

Selain itu, Laporan Perkahwinan dan Penceraian 2023 oleh DOSM, kadar perkahwinan kasar (*Crude Marriage Rate*, CMR) menurun daripada 6.6% untuk tahun 2022 kepada 5.7% pada 2023 bagi setiap 1,000 penduduk. Wanita Malaysia kini berkahwin buat kali pertama pada usia median 27 tahun berbanding 26 pada tahun 2018, manakala umur median lelaki kekal pada 28.0 tahun. Saiz purata isi rumah didapati menurun kepada 3.9 orang bagi tahun 2020 berbanding 4.9 orang pada tahun 1991.

Bagi negeri Terengganu, DOSM melaporkan jumlah bilangan perkahwinan yang berdaftar pada tahun 2023 adalah seramai 7,969 orang (Islam: 7,857 orang, bukan Islam: 112 orang). Jumlah tersebut menurun jika dibandingkan pada tahun 2022 iaitu seramai 9,673 orang (Islam: 9,54 orang, bukan Islam: 132 orang). Data penceraian merekodkan kes penceraian tahun 2023 sebanyak 2,798 iaitu lebih tinggi berbanding tahun 2022 dengan rekod 2,497 kes. Jumlah yang ketara ini dilihat agak membimbangkan. Data ini boleh menjadi salah satu daripada indikator bagi LPPKN sendiri untuk melaksanakan program kepada pasangan yang bakal dan baru berkahwin di sini.

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) oleh LPPKN mendapati kelewatan atau menanggungkan perkahwinan didorong oleh pelbagai faktor seperti masalah kewangan, utamakan kerjaya dan tidak berjumpa pasangan sesuai. Meskipun berkahwin

adalah hak masing-masing, namun melewatkan perkahwinan boleh memberi kesan kepada struktur demografi keluarga.

Melihat kepada cabaran semasa di peringkat institusi keluarga pula, sistem sokongan sosial menjadi faktor utama yang mempengaruhi golongan muda hari ini. Tuntutan pekerjaan golongan muda, kemampuan kewangan dan keputusan untuk merancang saiz keluarga sedikit sebanyak mempengaruhi keputusan untuk berkahwin dan juga mempunyai anak yang lebih ramai. Selain itu, terdapat pasangan yang dikenali sebagai 'Keluarga Komuter' yang merujuk kepada pasangan berkahwin, tetapi perlu tinggal berjauhan disebabkan faktor tempat kerja. Perkara ini perlu ditangani dengan baik kerana salah seorang terpaksa mengambil tugas tambahan apabila perlu menguruskan keluarga dan menjaga anak bersendirian.

Kita perlu akui hakikat bahawa agenda kependudukan, kekeluargaan dan kesihatan reproduktif seharusnya diperjuangkan secara kolektif oleh semua pihak. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri khususnya, sangat memerlukan lebih banyak penemuan penyelidikan dan usul daripada pelbagai pihak terutama dalam kedua-dua bidang ini bagi dijadikan input dalam penggubalan dasar, intervensi dan program berkaitan.

3.0 UCAPAN PERASMIAN

Ucapan perasmian telah disampaikan oleh YB Tuan Haji Maliaman Kassim, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Perpaduan Nasional Negeri Terengganu, mewakili YAB Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar, Menteri Besar Negeri Terengganu.



Sebagai kerajaan negeri, sudah pasti kita tidak boleh memaksa mereka untuk 'berkeluarga dengan segera' tanpa menyediakan ekosistem yang menyokong mereka. Kita perlu memudahkan dan bukan membebankan. Kita perlu menjadi rakan kongsi kepada kehidupan rakyat, bukan sekadar pembuat undang-undang dari atasan. Kita sedang membina sebuah negara yang tidak hanya menginginkan rakyatnya membina keluarga, tetapi yang meraikan dan menyokong mereka untuk berjaya sebagai satu keluarga.

Dalam ucapan perasmian tersebut, beliau turut menyatakan Kerajaan Terengganu mengambil berat mengenai isu berkaitan orang muda menangguhkan perkahwinan. Bagi menangani isu ini, pelbagai program dan insentif disediakan bagi menggalakkan golongan muda berkahwin dan membina keluarga dalam keadaan yang mampu mereka hadapi. Melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT), Program Walimatul Urus Perdana dilaksanakan bagi menyokong golongan muda dengan mempermudah proses perkahwinan dan meringankan beban majlis kahwin pasangan muda. Para peserta juga dilibatkan dalam program Pasca Perkahwinan "Keluarga Jannah" dan program Pasca Perkahwinan "Sehati Sejiwa". Program ini melibatkan peserta yang baru berkahwin dalam tempoh bawah kurang dari 5 tahun perkahwinan. Pengisian program ini juga turut dilaksanakan dengan kerjasama LPPKN Negeri Terengganu dan agensi-agensi yang berkaitan di negeri Terengganu.

Keprihatinan kerajaan persekutuan dan negeri menyokong anak muda mempunyai anak dengan sokongan sosial yang diberikan sekarang seperti inisiatif cuti bersalin dan cuti paterniti, bantuan kewangan kepada keluarga berpendapatan rendah, kemudahan penjagaan anak seperti TASKA Permata, serta program kesedaran kesihatan reproduktif dan kekeluargaan merupakan antara langkah penting dalam membantu mereka merancang kehidupan berkeluarga secara lebih sejahtera dan mampan. Usaha-usaha ini perlu terus diperkukuh melalui dasar yang inklusif dan mesra belia, agar mereka dapat membina keluarga dalam persekitaran yang stabil, menyokong, dan penuh harapan.

Prihatin dengan situasi ini, KPWKM melalui LPPKN mengambil tanggungjawab membantu pasangan yang menghadapi masalah kesuburan melalui pelancaran Program Bantuan IUI dan Advokasi Infertiliti (BuAI) pada 26 Februari 2025. Program ini menawarkan perkhidmatan ujian kesuburan dan rawatan insemnasi intrauterin/permanian beradas (IUI) secara percuma kepada 30,000 pasangan yang layak. Bagi negeri Terengganu, 1,674

orang lelaki dan wanita disasarkan mendapat manfaat dari program ini termasuk 37 pasangan layak mendapatkan rawatan IUI secara PERCUMA. Inisiatif ini memberikan harapan baharu kepada pasangan muda, sekaligus membantu merealisasikan impian untuk membina keluarga. Kerajaan Negeri Terengganu turut menyokong inisiatif murni ini.

KPWKM melalui LPPKN juga mengambil pelbagai langkah proaktif, antaranya menggubal dan melaksanakan Dasar Keluarga Negara untuk memperkukuh institusi keluarga, Menubuhkan Pusat Subfertility Negara yang bakal beroperasi pada tahun 2029, Menyediakan insentif sokongan kepada pasangan muda, termasuk subsidi taska dan cuti bersalin yang lebih fleksibel, menawarkan program kesihatan reproduktif dan pendidikan kekeluargaan seperti PEKERTI, SMARTSTART dan Kafe@TEEN dan memperkasakan wanita melalui pendidikan serta peluang kerjaya tanpa meminggirkan peranan mereka sebagai ibu dan pendidik generasi akan datang.

Kerajaan Negeri Terengganu sendiri melalui kerangka Dasar Wanita Terengganu yang telah dilancarkan pada tahun 2021 menyambut baik apa sahaja inisiatif dan ruang kerjasama dengan semua pihak dan agensi dalam menjaga kepentingan rakyat dan negara. Dasar Wanita Terengganu turut menyentuh mengenai wanita dan keluarga dan kesihatan. InsyaAllah banyak ruang kerjasama terbuka untuk sama-sama kita menjaga kesejahteraan rakyat.

4.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

Untuk sesi pertama iaitu pembentangan kertas kerja daripada Univerisiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang telah mengfokuskan kepada cabaran awal perkahwinan terhadap golongan muda.

Kertas Kerja 1: Bahagia Bersama: Menongkah Cabaran Awal Pekahwinan

Oleh Prof. Madya To' Puan Dr. Nizaita Omar, Pensyarah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam Universiti Sultan Zainal Abidin



Golongan muda perlu menerapkan ilmu rumah tangga supaya dapat membina keluarga bahagian bersama dan menetapkan matlamat hidup bersama.

Prof. Madya To' Puan Dr. Nizaita Omar membuka sesi pembentangan dengan memberi definisi tentang perkahwinan dan membentangkan kajian peratus kadar penceraian di Negeri Terengganu dan Prof. Madya To' Puan Dr. Nizaita Omar berkongsi tentang statistik kadar penceraian tertinggi sejak awal tahun 2023, kes penceraian dalam kalangan pasangan Islam di Terengganu mencatat peningkatan sebanyak 20 peratus dalam tempoh 10 bulan pertama dibawah lingkungan pada umur lingkungan 30-34 bagi wanita dan 35-39 bagi kaum lelaki di Negeri Terengganu. Melalui pembentangan tersebut menyatakan antara punca utama penceraian adalah kekurangan persefahaman antara suami isteri serta isu pasangan yang curang.

Selain itu, Prof. Madya To' Puan Dr. turut menekankan bahawa cabaran awal perkahwinan dikalangan golongan muda pada masa kini disebabkan faktor **ekonomi** seperti tekanan Kos Sara hidup, Kos perkahwinan dan penjagaan anak. Kedua, faktor **sosio budaya** dalam *tren* berkahwin lewat, kesukaran mencari pasangan dan tiada keinginan untuk memiliki anak yang ramai. Terakhir ialah **ketiadaan dasar** yang memandu selia bidang kependudukan sejak dasar 70 tahun penduduk dimansuhkan.

Bagi mengatasi masalah ini, perlu wujud anjakan paradigma dalam cara hidup bahagia bersama. Salah satu usaha untuk memupuk golongan muda untuk berkahwin adalah dengan membina *mindset* bahagia bersama sepanjang hayat yang menerangkan proses perkahwinan mempunyai pelbagai proses dan tahap dengan cara hidup yang berbeza pada sebelum ini untuk mencari satu titik persamaan hidup bersama hingga ke akhir hayat. Pasangan harus saling memahami diri sendiri, pasangan, serta keluarga masing-masing

bagi mewujudkan keharmonian dalam rumah tangga. Perkahwinan perlu mempunyai matlamat jelas untuk mencapai kebahagiaan bersama sepanjang hayat.

Prof. Madya To' Puan Dr. turut berkongsi kunci kebahagiaan bersama dengan menerapkan empat (4) elemen utama iaitu yang **pertama toleransi dan kasih sayang** di antara pasangan. **Kedua, amanah dan tanggungjawab** suami isteri untuk saling berkomunikasi jika peranan tanggungjawab itu tidak boleh dilaksanakan suami ataupun isteri perlu bersama-sama melaksanakan supaya bebanan dikongsi bersama **yang ketiga, Ilmu dan nilai** setiap pasangan yang ingin berkahwin perlu mempunyai ilmu tentang berumah tangga. Pihak kerajaan perlu mewajibkan setiap pasangan bukan sahaja pergi kursus kahwin hanya sekali sebelum memohon untuk berkahwin malah setiap pasangan baru berkahwin juga perlu diwajibkan hadir kursus perkahwinan seperti yang dilaksanakan oleh LPPKN seperti *SmartStart* supaya setiap pasangan tahu akan peranan masing-masing dan yang **keempat**, bagi pasangan islam **iman dan taqwa** adalah elemen penting dalam perkahwinan dalam Islam yang membentuk asas kekuatan dan kebahagiaan dalam rumah tangga, serta menjadi panduan dalam menjalani kehidupan bersama. Perkahwinan yang didasari iman dan taqwa akan membawa ketenangan, kasih sayang, dan rahmat dari Allah. Kunci utama kepada kehidupan berumah tangga yang bahagia adalah adanya sikap toleransi dan kasih sayang, rasa amanah dan tanggungjawab, keilmuan serta nilai-nilai murni, dan yang paling penting ialah beriman dan bertaqwa. Melalui *mindset* "bahagia bersama" yang berkekalan, pasangan dapat menghadapi pelbagai proses dan perubahan masa serta tempat sepanjang hidup mereka bersama, menggunakan pendekatan dan kaedah yang sesuai untuk mengekalkan cinta abadi dan perkongsian sepanjang hayat.

Kertas kerja 2: Suratatan atau Kebetulan: Penceraian dalam kalangan pasangan Awal Perkahwinan

Oleh Prof. Madya Dr. Che Hasniza Che Noh, Pensyarah Universiti Malaysia Terengganu (UMT)



Punca utama penceraian ialah sikap tidak bertanggungjawab, campur tangan pihak ketiga, lemah didikan agama, masalah akhlak dan sosial serta masalah komunikasi dalam rumah tangga.

Pembentangan kertas kerja ini memberi penekanan kepada penceraian dalam kalangan pasangan awal perkahwinan. Statistik menunjukkan kadar penceraian dalam kalangan pasangan Islam di Terengganu meningkat dengan ketara, iaitu sebanyak 45.8% pada tahun 2022 dengan 46,138 kes berbanding 31,650 kes pada tahun 2021. Kadar penceraian ini lebih ketara berlaku dalam kalangan pasangan muda yang berumur antara 30 hingga 34 tahun. Analisis terhadap 50 sampel kes penceraian berdasarkan Surat Perakuan Cerai (SPC) dari tahun 2020 hingga 2023 menunjukkan bahawa tempoh perkahwinan antara satu hingga lima tahun mencatat kadar penceraian tertinggi. Melalui statistik kebanyakan kes penceraian berlaku dalam kalangan pasangan muda berumur antara 30 hingga 35 tahun dalam tempoh perkahwinan lima (5) tahun ke bawah.

Perangkaan perkahwinan dan penceraian di Malaysia menunjukkan penurunan dalam jumlah perkahwinan, terutama dalam kalangan pasangan Islam. Pada tahun 2023 terdapat 188,100 perkahwinan yang direkodkan, menurun dari 215,022 pada tahun 2022. Manakal penceraian pasangan islam meningkat 45.8% pada tahun 2022, dengan 46,138 kes berbanding 31,560 kes pada tahun 2021. Kadar penceraian ini lebih ketara dalam pasangan muda (umur 30-34 tahun).

Statistik perkahwinan dan penceraian Terengganu, 2019-2023
(sumber: Mahkamah Syariah Terengganu dan JHEAT)

TAHUN	BILANGAN PERKAHWINAN	BILANGAN PERCERAIAN	PERMOHONAN CERAI DI MAHKAMAH	KHIDMAT RUNDING CARA
2019	10405	2449	4589	1517
2020	10456	1224	4129	1147
2021	12394	2169	3360	1012
2022	10742	1800	4593	1316
2023	9722	1802	4539	959

Gambar: Statistik perkahwinan dan penceraian Terengganu dari tahun 2019-2023

Statistik Kes Mahkamah Syariah Terengganu, 2019-2023
(sumber: Mahkamah Syariah Terengganu)

TAHUN/JENIS KES	2019	2020	2021	2022	2023	JUMLAH
151- Tuntutan/permohonan perceraian	2090	1940	1492	2173	2148	9843
152- Tuntutan pengesahan lafaz cerai	1524	1402	1256	1519	1636	7337
153- Tuntutan pengesahan cerai taklik	466	445	345	432	370	2058
154- Tuntutan khuluk/tebus talak	19	13	12	10	16	70
162- Tuntutan Fasakh	490	329	255	459	369	1902
	4589	4129	3360	4593	4539	21210

Gambar: Statistik kes mahkamah syariah Terengganu dari tahun 2019-2023

Selain itu, Prof. Madya Dr. memaklumkan melalui analisis kes aduan di Unit Khidmat Nasihat dan Rundingcara Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) bagi tempoh 2019 hingga 2023 mendapati antara **punca utama penceraian** ialah **sikap tidak bertanggungjawab, campur tangan pihak ketiga, lemah didikan agama**, masalah akhlak dan sosial serta **masalah komunikasi dalam rumah tangga**. Kajian kualitatif melalui temubual dengan 15 pasangan bercerai di Terengganu juga menunjukkan pelbagai faktor yang menyebabkan penceraian, antaranya suami atau isteri mengelak daripada berbincang semasa timbul masalah, campur tangan ibu bapa sehingga menuntut penceraian, ketidakseriusan dalam melaksanakan tanggungjawab agama seperti solat dan puasa, serta sikap cuai suami dalam memberikan nafkah selepas tempoh awal perkahwinan. Kesemua faktor ini menggambarkan perlunya pendekatan holistik dalam menangani isu penceraian agar institusi keluarga dapat diperkukuhkan. Bagi mengekang masalah ini pihak Kerajaan perlu mewujudkan satu pendekatan kepada golongan muda yang ingin berkahwin supaya dapat memahami sebuah perkahwinan bukan sahaja untuk berkasih sayang tapi seiring dengan tuntutan memikul tanggungjawab. Program Pra-Perkahwinan merupakan satu contoh inisiatif yang bagus kepada golongan muda yang berkahwin awal untuk memperkukuh pengetahuan tentang peranan dan tanggungjawab masing-masing ke arah sebuah keluarga yang bahagia dan harmoni.

5.0 TAKLIMAT INISIATIF PROGRAM DAN PERKHIDMATAN LPPKN

Taklimat 1: Program Pengukuhan Institusi Kekeluargaan

Oleh Puan Nor Harmimi Jalil, Penolong Pengarah Kanan, Unit Penerangan dan Pendidikan, LPPKN Negeri Terengganu.



Taklimat ini bertujuan mempromosikan pelbagai inisiatif yang telah dan sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan dibawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dalam usaha memperkukuh institusi kekeluargaan. Sesi ini menerangkan tentang peranan LPPKN dalam memberi pendidikan kekeluargaan, program-program sokongan pra dan pasca perkahwinan, serta strategi-strategi yang dilaksanakan untuk menangani cabaran dalam institusi keluarga masa kini. Taklimat ini juga menekankan pentingnya kerjasama antara pelbagai agensi dan komuniti dalam usaha membina keluarga yang bahagia, sejahtera dan berdaya tahan.

Taklimat 2: Program Bantuan Rawatan Kesuburan dan Advokasi Infertiliti (BuAI)

Oleh Puan Faridaton Mat Junoh@Mat Yunos, Ketua Jururawat, Klinik Nur Sejahtera (KNS) Dungun, LPPKN Negeri Terengganu



Program Bantuan Rawatan Kesuburan dan Advokasi Infertiliti (BuAI) yang dilancarkan oleh KPWKM melalui LPPKN bertujuan membantu pasangan yang menghadapi masalah kesuburan dengan menyediakan rawatan inseminasi intrauterin (IUI) secara percuma. Program ini khusus untuk pasangan yang mengalami kesukaran mendapatkan cahaya mata dan disasarkan kepada golongan berpendapatan isi rumah kurang daripada RM10,000.00 sebulan. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM6 juta untuk membiayai dua kitaran rawatan IUI bagi 1,300 pasangan yang layak. Bagi memenuhi syarat penyertaan dalam program ini, pasangan suami isteri perlu mendaftar secara sah di dalam laman sesawang atau melalui Klinik Nur Sejahtera (KNS) LPPKN, umur had wanita berusia 36 tahun ke bawah, dan pendapatan isi rumah tidak melebihi RM10,000.00 sebulan. Pasangan yang berminat untuk menyertai program ini boleh membuat permohonan melalui semua KNS yang terdekat.

6.0 FORUM KEPENDUDUKAN: “MEMBINA KELUARGA HARMONI NEGERI TERENGGANU”

Moderator:

Ustaz Mohd Mukhtar Ariffin

Urus Setia Penerangan Darul Iman (UPDI)

Ahli Panel:

1. YB Puan Hajah Zuraida Md Noor

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Perpaduan Nasional Negeri Terengganu

2. YM Tengku Nura Najihah Tengku Adnan

Penyampai Radio, Aktivis Belia dan Pengengaruh Media Sosial

3. Ustaz Haji Shukri Faiz Jusoh

Penolong Kanan Pesuruhjaya Pembangunan Keluarga
Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT)



PUSINGAN PERTAMA:

Soalan 1: Senario Terkini Penurunan Kadar Kesuburan dan Kelewatan Perkahwinan di Negeri Terengganu

YB Puan Hajah Zuraida Md Noor:

Fenomena kelewatan berkahwin dalam kalangan masyarakat kini semakin membimbangkan, khususnya di negeri Terengganu. Situasi ini bukan sahaja memberi kesan terhadap struktur sosial masyarakat, malah turut menyumbang kepada penurunan kadar kesuburan dalam kalangan rakyat. Perkahwinan yang lewat bukan lagi disebabkan oleh kekangan jodoh semata-mata, tetapi turut dipengaruhi oleh pelbagai faktor lain yang semakin kompleks seiring perubahan zaman dan cabaran ekonomi semasa.

Salah satu punca utama kelewatan perkahwinan adalah peningkatan kos sara hidup yang tinggi. Ramai dalam kalangan individu muda tidak yakin untuk berkahwin kerana berpendapatan rendah dan tidak mampu menanggung komitmen kewangan yang datang bersama tanggungjawab perkahwinan. Kos majlis perkahwinan, penyediaan rumah, serta perbelanjaan harian selepas berkahwin menjadi halangan besar yang menyebabkan ramai memilih untuk menangguhkan perkahwinan sehingga keadaan kewangan mereka benar-benar stabil.

Selain itu, kurangnya sokongan daripada keluarga turut menjadi faktor penyumbang. Ada individu yang terpaksa menanggung keluarga atau menghadapi tekanan kewangan akibat tanggungan lain, menjadikan soal perkahwinan bukanlah keutamaan. Dalam masa yang sama, sikap terlalu cerewet atau terlalu selektif dalam memilih pasangan turut menyebabkan kelewatan berkahwin. Perbezaan dari segi taraf pendidikan, status ekonomi, dan latar belakang keluarga sering kali menjadi alasan mengapa seseorang itu menolak calon yang tidak dianggap 'sekufu'.

Lebih membimbangkan, terdapat juga individu yang mengalami trauma akibat kegagalan hubungan lampau, lalu menjadi takut untuk berkahwin. Pengalaman silam yang pahit menyebabkan mereka hilang keyakinan terhadap institusi perkahwinan dan bimbang sekiranya perkara yang sama berulang. Akibatnya, mereka lebih selesa hidup bersendirian dan menangguhkan atau menolak idea untuk berumah tangga.

Kesemua faktor ini secara tidak langsung menyumbang kepada penurunan kadar kesuburan di Terengganu. Apabila umur perkahwinan semakin lewat, peluang untuk mendapatkan zuriat juga semakin rendah kerana kesuburan wanita dan lelaki akan menurun seiring peningkatan usia. Jika tren ini berterusan, ia boleh memberi kesan jangka panjang kepada struktur demografi negeri dan negara secara keseluruhan.

Sebagai kesimpulan, isu kelewatan perkahwinan dan penurunan kadar kesuburan memerlukan perhatian serius daripada semua pihak. Langkah-langkah proaktif seperti pemberian insentif kewangan, sokongan psikologi, dan program kesedaran tentang kepentingan perkahwinan perlu dipertingkatkan. Masyarakat juga perlu mengubah persepsi terhadap perkahwinan dan lebih bersikap terbuka dalam memilih pasangan hidup agar institusi keluarga dapat diperkukuhkan demi masa depan yang lebih sejahtera.

YM Tengku Nura Najihah Tengku Adnan:

YM Tengku Nura yang mewakili golongan muda menyatakan salah satu faktor utama yang mendorong generasi muda atau golongan belia untuk menangguhkan perkahwinan ialah masalah kewangan dan tekanan ekonomi yang semakin mencabar. Kedua-dua pihak sama ada lelaki atau perempuan kini berhadapan dengan kos sara hidup yang tinggi, tanggungan hutang seperti pinjaman pendidikan, serta ketidaktentuan pekerjaan, yang menyebabkan mereka kurang yakin untuk memikul tanggungjawab berumahtangga. Bagi mereka, mendirikan rumah tangga memerlukan tahap kestabilan ekonomi yang kukuh agar dapat menjamin kehidupan selepas berkahwin. Selain itu, kebimbangan terhadap pemilihan pasangan hidup turut menjadi punca kelewatan perkahwinan. Ramai yang takut membuat pilihan yang salah sehingga menjejaskan kebahagiaan rumah tangga di masa hadapan. Oleh itu, pemilihan pasangan yang sekufu dari segi pendidikan, status ekonomi, dan nilai kehidupan dianggap penting agar wujud keserasian dalam jangka panjang. Hal ini menjadikan proses mencari jodoh semakin mencabar dan mengambil masa yang panjang.

Ustaz Haji Shukri Faiz Jusoh:

Ustaz Haji Shukri menyatakan bahawa perkahwinan di usia terlalu awal tidak digalakan di dalam Islam kerana pada zaman kini golongan muda berhadapan dengan cabaran dalam meneruskan kelangsungan hidup. Beberapa faktor seperti faktor ekonomi terutama golongan muda berhadapan dengan cabaran untuk mencari kerja dan berhadapan kos sara hidup yang semakin meningkat. Tambahan pula, pada zaman kini anak muda ingin berkahwin dengan mengadakan resepsi majlis perkahwinan mengikut budaya terkini menelan kos belanja majlis perkahwinan yang tinggi dan menyebabkan golongan muda lewat berkahwin. Selain itu, Ustaz Haji Shukri menyatakan tidak menjadi kesalahan untuk berkahwin lewat, asalkan ia dilakukan dengan penuh tanggungjawab dan persediaan yang mencukupi. Apa yang lebih penting ialah memudahkan urusan perkahwinan itu sendiri, khususnya dari segi kos dan pelaksanaan majlis. Sikap sederhana dalam perbelanjaan, mengelakkan pembaziran, serta fokus kepada keperluan asas lebih utama daripada mengadakan majlis yang terlalu mewah semata-mata untuk memenuhi kehendak sosial. Dalam masa yang sama, Ustaz Haji Shukri menjelaskan undang-undang dan prosedur berkaitan perkahwinan di negara Malaysia sebenarnya tidaklah terlalu rumit, malah bertujuan untuk memastikan setiap perkahwinan dilaksanakan mengikut saluran yang sah dan menepati syarak. Pematuhan terhadap prosedur ini juga penting bagi menjamin hak kedua-dua pihak, memudahkan proses pendaftaran, dan memberi kesan jangka panjang yang positif terhadap institusi kekeluargaan.

PUSINGAN KEDUA:

Soalan 2: Tindakan dan Dasar Sedia Ada Sokongan Kepada Keluarga dan Kesiediaan Berkahwin.

YB Puan Hajah Zuraida Md Noor:

YB Puan Zuraida menyatakan bahawa dasar kerajaan sekarang menyokong pasangan golongan muda berkahwin awal walaupun pasangan yang berkahwin awal mempunyai cabaran perkahwinan dari segi ekonomi, pengurusan emosi, pengurusan masa, sokongan keluarga. Kerajaan negeri Terengganu menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menyokong golongan muda untuk berkahwin awal dan membina institusi keluarga yang sejahtera. Walaupun perkahwinan awal sering dikaitkan dengan pelbagai cabaran seperti kekangan ekonomi, pengurusan emosi, pengurusan masa serta kurangnya sokongan keluarga, kerajaan negeri telah mengambil langkah proaktif melalui pelbagai program yang holistik. Antaranya ialah **Program Portal Jodoh Darul Iman**, iaitu sebuah aplikasi dalam talian yang patuh syariah bagi membantu pencarian jodoh secara terkawal dan selamat. Selain itu, **Program Walimatul Urus Perdana** turut dilaksanakan, iaitu majlis perkahwinan beramai-ramai secara percuma melibatkan lebih daripada 200 pasangan di setiap daerah di Terengganu bagi perkahwinan pertama. Bagi memastikan kelangsungan rumah tangga selepas berkahwin, kerajaan Terengganu turut melaksanakan **Program Pasca Perkahwinan “Keluarga Jannah”** untuk pasangan yang baru mendirikan rumah tangga (lima tahun ke bawah), dengan memberi bimbingan asas untuk menghadapi cabaran awal perkahwinan. Tidak terhenti di situ, **Program “Sehati Sejiwa”** diperkenalkan untuk pasangan yang telah berkahwin selama sepuluh tahun, bertujuan memperkukuh hubungan rumah tangga berkonsepkan “Rumahku Syurgaku”. Manakala bagi pasangan yang telah berkahwin melebihi sepuluh tahun, **Program “Second Honeymoon”** dijalankan sebagai *platform* bimbingan dan pengukuhan semula kasih sayang suami isteri. Secara keseluruhan, dasar kerajaan negeri yang menyokong perkahwinan awal ini bukan sahaja membantu dari sudut kewangan, malah menyediakan sokongan berterusan dalam aspek emosi, spiritual dan pengurusan rumah tangga demi membina keluarga yang bahagia dan harmoni.

YM Tengku Nura Najihah Tengku Adnan:

YM Tengku Nura juga turut mencadangkan bagi menangani isu kelewatan perkahwinan dan memastikan golongan belia bersedia untuk membina keluarga, beberapa langkah proaktif perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan institusi pendidikan. Antara cadangan utama ialah **memperkenalkan pendidikan kekeluargaan secara menyeluruh di peringkat sekolah** lagi. Pendedahan awal terhadap aspek komunikasi dalam keluarga, pengurusan emosi, serta kemahiran menyelesaikan konflik dapat membantu membentuk kefahaman dan kesiediaan dalam kalangan remaja untuk menghadapi cabaran alam perkahwinan kelak. Selain itu, isu perumahan yang menjadi kekangan utama dalam kalangan belia juga perlu ditangani dengan membuka lebih banyak **skim perumahan mampu milik**, termasuk inisiatif sewa beli rumah yang mesra belia. Ini dapat memberi peluang kepada pasangan muda memiliki kediaman sendiri tanpa beban kewangan yang terlalu tinggi. Dalam masa yang sama, kerajaan juga disaran **meningkatkan akses kepada program latihan kemahiran dan peluang kerjaya kepada golongan muda** agar mereka dapat mencapai tahap kestabilan ekonomi sebelum dan selepas berkahwin. Usaha-usaha seperti ini bukan sahaja membantu meringankan beban golongan belia, tetapi juga

memberi motivasi kepada mereka untuk melangkah ke alam rumah tangga dengan lebih yakin dan bersedia.

Ustaz Haji Shukri Faiz Jusoh:

Ustaz Haji Shukri menghuraikan data terkini menunjukkan terdapat penurunan dalam jumlah pendaftaran perkahwinan, manakala kadar perceraian pula semakin meningkat, terutama dalam kalangan pasangan yang berusia perkahwinan kurang daripada lima tahun. Salah satu punca utama perceraian adalah kekurangan persediaan ilmu berkaitan perkahwinan sebelum melangkah ke alam rumah tangga. Bagi mengatasi masalah ini, pelbagai **kursus dan program pasca perkahwinan** telah dianjurkan untuk memperkukuhkan institusi keluarga sedia ada. Program-program ini memberi penekanan kepada kemahiran mengurus konflik, pengurusan emosi serta kewangan dalam rumah tangga. Selain itu, komuniti sosial keluarga di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) turut mengadakan **sesi kaunseling di masjid-masjid bagi membantu pasangan yang menghadapi masalah perkahwinan**, termasuk isu spiritual seperti gangguan sihir. Usaha ini diharap dapat membantu menyelesaikan masalah rumah tangga secara holistik dan memperkukuhkan institusi kekeluargaan dalam masyarakat.

PUSINGAN KETIGA:

Soalan 3: Cadangan masa hadapan dan Intervensi Menyeluruh?

YB Puan Hajah Zuraida Md Noor:

Kerajaan Negeri Terengganu telah memperkenalkan **Program Mesra Keluarga** yang berteraskan syariah dan pembangunan holistik bagi memperkukuhkan institusi keluarga. Program ini merangkumi pelbagai fasa, dari pra perkahwinan hingga pasca perkahwinan, dengan fokus kepada aspek ekonomi, sosial, emosi serta pengukuhan perkahwinan. Selain itu, **Dasar Wanita Terengganu** turut digubal untuk melindungi, memelihara, memperkasa dan membangunkan wanita agar dapat menyumbang secara efektif ke arah menjadikan Terengganu sebuah negeri maju dan sejahtera. Bagi menggalakkan pembentukan keluarga terutama dalam kalangan golongan berpendapatan rendah, cadangan penyediaan perumahan mampu milik turut diutamakan. Selain itu, pelbagai **program pengukuhan ekonomi dijalankan untuk membantu rakyat** mengatasi masalah kewangan dan meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Kesemua inisiatif ini diharap dapat memperkukuhkan institusi keluarga dan menyokong pembangunan sosial yang mampan di negeri Terengganu.

YM Tengku Nura Najihah Tengku Adnan:

YM Tengku Nura mencadangkan agar Kerajaan negeri Terengganu **mewujudkan satu platform media sosial** kini dimanfaatkan sebagai saluran yang efektif untuk menyebarkan pelbagai **tips dan perkongsian berkaitan kepentingan perkahwinan serta pembinaan keluarga yang harmoni**. Dengan keupayaan menjangkau golongan muda secara lebih meluas dan cepat, media sosial berperanan dalam membuka kesedaran dan memberi panduan praktikal tentang aspek komunikasi, pengurusan konflik, serta nilai kekeluargaan. Pendekatan ini amat relevan dalam era digital di mana belia banyak menghabiskan masa dalam talian, sekaligus membantu menggalakkan sikap positif terhadap institusi perkahwinan dan membina keluarga bahagia.

Ustaz Haji Shukri Faiz Jusoh:

Ustaz Haji Shukri mencadangkan agar **jaringan kerjasama erat antara semua jabatan dan agensi** adalah sangat penting dalam usaha membangunkan ummah serta mengukuhkan institusi perkahwinan dan ilmu rumah tangga. Bagi mempertingkatkan keberkesanan inisiatif ini, cadangan penubuhan **Jawatankuasa Keluarga Harmoni** telah diketengahkan. Jawatankuasa ini bertujuan untuk merancang dan melaksanakan program-program kekeluargaan berskala besar dengan melibatkan kerjasama erat antara pelbagai jabatan dan agensi berkaitan, termasuk LPPKN. Melalui pendekatan bersepadu ini, diharapkan usaha memperkukuhkan keluarga dan menyelesaikan isu-isu rumah tangga dapat dijalankan secara lebih sistematik dan berkesan.

7.0 CADANGAN KEPADA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Perkahwinan merupakan satu institusi penting dalam masyarakat yang menjadi asas kepada pembentukan keluarga, komuniti dan negara. Dalam konteks semasa, isu perkahwinan awal sering menjadi perbincangan hangat, terutamanya apabila melibatkan aspek kestabilan kewangan, kematangan emosi, dan kesiapsiagaan pasangan muda. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri Terengganu telah mengambil pelbagai inisiatif yang bersifat proaktif bagi menyokong dan memperkukuh institusi perkahwinan, terutamanya dalam kalangan belia.

Salah satu dasar utama yang diperkenalkan ialah bantuan kewangan serta sokongan menyeluruh merangkumi aspek emosi, spiritual dan pengurusan rumah tangga. Pendekatan holistik ini penting untuk memastikan pasangan muda bukan sahaja mampu mendirikan rumah tangga, tetapi juga dapat mengekalkan kebahagiaan dan keharmonian dalam jangka masa panjang. Antara cadangan yang signifikan ialah **pelaksanaan pendidikan kekeluargaan secara menyeluruh di peringkat sekolah**. Pendidikan awal mengenai komunikasi dalam keluarga, pengurusan emosi, dan kemahiran menyelesaikan konflik dapat membentuk kefahaman serta kesediaan mental remaja terhadap cabaran berumah tangga.

Isu perumahan yang sering menjadi kekangan utama kepada pasangan muda turut juga perlu diberikan perhatian. Melalui forum ini pihak Kerajaan negeri di cadangkan mewujudkan lebih banyak **skim perumahan mampu milik**, termasuk inisiatif sewa-beli yang mesra belia. Langkah ini bukan sahaja membantu pasangan muda memiliki kediaman sendiri, malah mengurangkan bebanan kewangan mereka. Akses kepada program latihan kemahiran dan peluang pekerjaan juga perlu diperluaskan agar belia mencapai kestabilan ekonomi sebelum dan selepas perkahwinan.

Program Mesra Keluarga yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu merupakan antara inisiatif unggul yang berteraskan syariah dan pembangunan holistik. Program yang meliputi semua fasa kehidupan perkahwinan daripada persediaan pra-perkahwinan hinggalah kepada fasa pasca-perkahwinan dengan penekanan terhadap

aspek ekonomi, sosial, dan pengukuhan institusi keluarga ini perlu diteruskan dan diperkukuhkan. Selain itu, **Dasar Wanita Terengganu digubal perlu bertujuan untuk memperkasa wanita agar mereka dapat memainkan peranan aktif dalam pembangunan kekeluargaan dan negeri.**

Tidak kurang pentingnya, penggunaan *platform* media sosial juga dicadangkan sebagai medium efektif untuk menyebarkan ilmu berkaitan perkahwinan dan kekeluargaan. Panel mencadangkan agar satu ***platform* khusus diwujudkan bagi perkongsian tip, nasihat dan informasi penting untuk golongan muda** dan kepentingan **jaringan kerjasama antara jabatan dan agensi** di negeri Terengganu dalam membangunkan ummah serta memperkukuhkan ilmu rumah tangga dalam kalangan masyarakat.

Kesimpulannya, usaha yang digerakkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu dalam menyokong perkahwinan awal adalah langkah bijak dan berpandangan jauh. Gabungan antara sokongan material dan spiritual dapat membentuk generasi muda yang bukan sahaja bersedia dari sudut ekonomi dan emosi, tetapi juga memiliki nilai-nilai kekeluargaan yang kukuh. Dengan pelaksanaan dasar-dasar ini secara berterusan dan tersusun, tidak mustahil institusi keluarga di negeri ini akan terus berkembang maju dan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat keseluruhannya.

8.0 SIARAN MEDIA DAN LIPUTAN MEDIA



SIARAN MEDIA

CABARAN DEMOGRAFI: TERENGGANU SAMBUT BAIK EKOSISTEM MESRA KELUARGA, PERKUKUH KESEJAHTERAAN JANGKA PANJANG

KUALA TERENGGANU, 5 OGOS – Menyedari realiti demografi hari ini berdepan cabaran seperti penyusutan kadar kesuburan, kelewatan usia perkahwinan dan peningkatan jumlah warga emas adalah krisis semasa yang menuntut respons bersifat nasional, Kerajaan Negeri Terengganu menyambut baik usaha yang perlu digembleng bersama pihak Kerajaan Persekutuan serta semua pihak dalam menyediakan ekosistem mesra keluarga khususnya kepada golongan muda negeri ini membina keluarga. Pendekatan dasar yang inklusif melalui pelbagai inisiatif perlu diperkukuh bagi menjamin kesejahteraan demografi jangka panjang. Perkara ini dinyatakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Perpaduan Nasional Negeri Terengganu, YB Tuan Haji Maliaman Kassim ketika merasmikan Seminar Kependudukan Negeri Terengganu sempena Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 (SKNT 25) hari ini.

“Trend kelewatan atau menangguhkan perkahwinan dalam kalangan generasi muda didorong oleh pelbagai faktor seperti tekanan kos sara hidup, pekerjaan tidak stabil, beban hutang pendidikan dan kekurangan kemudahan sokongan penjagaan anak memberi impak besar terhadap dinamik sosial dan daya saing ekonomi negeri”, ujar beliau.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan negeri Terengganu mencatatkan data penceraian lebih tinggi berbanding data perkahwinan. Seramai 7,969 orang mendaftar perkahwinan pada tahun 2023 berbanding 9,673 orang pada tahun 2022. Kes penceraian pula direkodkan meningkat pada tahun 2023 iaitu sebanyak 2,798 berbanding 2,497 pada tahun 2022.

Justeru, pelbagai program dan insentif disediakan bagi menggalakkan golongan muda berkahwin dan membina keluarga. Program Walimatul Urus Perdana dilaksanakan melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT). Program Pasca Perkahwinan "Keluarga Jannah" dan "Sehati Sejiwa" turut dilaksanakan kepada pasangan yang baru berkahwin dalam tempoh kurang dari 5 tahun. Pelaksanaan program turut melibatkan kerjasama dengan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Terengganu serta Jabatan/Agensi berkaitan.

Dalam ucapan beliau, dengan adanya inisiatif dan insentif sedia ada berkaitan kekeluargaan oleh Kerajaan Negeri, ditambah pula dengan pelbagai inisiatif yang dibawa oleh pihak Kerajaan Persekutuan untuk membantu pasangan muda merealisasikan impian membina keluarga seperti Program Bantuan IUI dan Advokasi Infertiliti (BuAI) iaitu perkhidmatan ujian kesuburan dan rawatan *inseminasi intrauterin*/permanian beradas (IUI) secara percuma kepada 30,000 pasangan yang layak termasuk, 1,674 orang bagi Terengganu, sudah tentu usaha ini mampu membina keluarga harmoni dan menangani cabaran demografi kelak.

Seminar anjuran LPPKN Negeri Terengganu dengan kerjasama dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) ini diadakan bersempena sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 memfokuskan "Perkahwinan Awal, Asas Keluarga Harmoni".

Turut hadir pada majlis ini ialah YBrs. Tuan Haji Hairil Fadzly Md. Akir, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) LPPKN, YB Puan Hajah Zuraida Md Noor, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Perpaduan Nasional Negeri Terengganu, Encik Adzmel Mahmud, Pengarah Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga LPPKN dan Puan Naemah Ibrahim, Pengarah LPPKN Negeri Terengganu.

####

**LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN)
NEGERI TERENGGANU
5 OGOS 2025**

Ustaz Maliaman Kassim - Official's post



Ustaz Maliaman Kassim - Official

5 August · 🌐

Merasmikan Program Seminar Kependudukan Negeri Terengganu sempena Sambutan Hari Penduduk 2025 anjuran Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara.

Tema sambutan untuk tahun 2025 ini ialah "Memperkasa Golongan Muda untuk Membentuk Keluarga yang Mereka Inginkan Dalam Dunia yang Adil dan Penuh Harapan" amat relevan dan penting untuk diberi perhatian serius oleh semua pihak.

Tema tahun ini menekankan bahawa cabaran kependudukan tidak harus dilihat semata-mata dari sudut angka, tetapi juga dari perspektif hak dan peluang generasi muda untuk membuat keputusan reprodktif mereka secara beretika, berlandaskan syariah, selamat dan bermaklumat.

Tahniah buat semua peserta yang hadir dalam seminar ini.

Kolaborasi strategik antara LPPKN dengan kerjasama dan sokongan sepenuhnya daripada Kerajaan Negeri Terengganu, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah berjaya menganjurkan seminar penuh makna ini.

Terima kasih sekali lagi dan tahniah kepada semua pihak dan peserta yang memanfaatkan peluang pada hari ini. Kehadiran semua melambangkan semangat dan sokongan agar kita bersama membentuk masa depan keluarga dan penduduk di Malaysia yang lebih baik pada masa hadapan.

#TerengganuMajuBerkatSejahtera



Zuraida Md Noor

6 August · 🌐

Terima kasih kepada pihak Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) kerana menjemput Kak Da sebagai salah seorang panel dalam Sesi Bual Bicara: "Membina Keluarga Harmoni Negeri Terengganu" sempena Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025.

Dasar dan program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu adalah mesra keluarga, berorientasikan syariah dan berteraskan pembangunan holistik.

Ia memenuhi keperluan pasangan dari fasa praperkahwinan hingga ke pascaperkahwinan, termasuklah aspek ekonomi, emosi dan sosial.

Program-program ini juga responsif terhadap isu semasa seperti kelewatan berkahwin, perceraian awal, dan tekanan ekonomi. Ia dilihat bermula dari proses pencarian jodoh, awal perkahwinan, pengukuhan hubungan, sehinggalah ke arah pembinaan keluarga mithali.

Banyak inisiatif telah dan sedang dilaksanakan, termasuk program bimbingan perkahwinan, sokongan psikososial dan intervensi awal bagi pasangan muda, perkahwinan percuma dan laman portal cari jodoh Darul Iman, demi memastikan masyarakat Terengganu melahirkan generasi yang kukuh dengan nilai kasih sayang, tanggungjawab dan akhlak mulia.




Insyaa-Allah, kita terus berganding bahu dalam memperkasa institusi keluarga sebagai asas penting pembangunan negeri.

#KakDaKiter #LadangSejahtera





9.0 MAKLUM BALAS PESERTA

MAKLUM BALAS PESERTA PROGRAM SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025 PERINGKAT NEGERI TERENGGANU



MAKLUM BALAS PESERTA PROGRAM SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025 PERINGKAT NEGERI TERENGGANU



SEMINAR KEPENDUDUKAN NEGERI TERENGGANU SEMPERA HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025



SEMINAR KEPENDUDUKAN NEGERI TERENGGANU SEMPENA HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025



SEMINAR KEPENDUDUKAN NEGERI TERENGGANU SEMPERA HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025

